



**PERATURAN PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS DAN PERAWATAN
PERINGKAT KEBANGSAAN 2009 ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA
(Berkuatkuasa daripada 22 Mac 2009)**

- Peringatan:**
1. *Sila baca peraturan ini dengan teliti*
 2. *Peraturan-peraturan ini TIDAK BOLEH diubah atau ditukar*
 3. *Semua persoalan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Turus (Gerakan) atau Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan sahaja.*

1. Pembentukan Pasukan:

- 1.1. Pertandingan ini diadakan pada setiap tahun dan terbuka kepada semua Negeri/Wilayah. Pertandingan ini dibahagikan kepada empat (4) kategori seperti berikut:-

No	Kategori	Kelulusan	Catatan
1.1.1.	Ambulans Dewasa	Sijil Pertolongan Cemas Dewasa	Umur pada tarikh pertandingan hendaklah 16 tahun ke atas
1.1.2.	Perawatan Dewasa	Sijil Pertolongan Cemas Dewasa dan Sijil Perawatan Dewasa	Umur pada tarikh pertandingan hendaklah 16 tahun ke atas
1.1.3.	Ambulans Kadet	Sijil Pertolongan Cemas Asas	Masih seorang ahli kadet dan belum pernah mengambil bahagian dalam kategori Dewasa
1.1.4.	Perawatan Kadet	Sijil Pertolongan Cemas Asas dan Sijil Perawatan Asas	Masih seorang ahli kadet dan belum pernah mengambil bahagian dalam kategori Dewasa

Sila rujuk kepada Peraturan Am St. John Ambulans Malaysia yang menentukan umur Ahli Dewasa (Bab 2.2(a)) dan Ahli Kadet (Bab 2..31(b)).

- 1.2. Semua Negeri/Wilayah adalah dipelawa untuk menghantar satu pasukan bagi setiap kategori.
- 1.3. Setiap pasukan mengandungi empat orang peserta dan seorang peserta simpanan. Peserta simpanan tidak akan mengambil bahagian dalam mana-mana ujian pertandingan kecuali ujian bertulis. Sekiranya salah seorang daripada empat orang ahli pasukan asal uzur, peserta simpanan ini akan menggantikan kekosongan tersebut.
- 1.4. Doktor, Pelajar Perubatan, Pembantu Perubatan, Jururawat Terlatih atau Jururawat Latihan Khas, Jururawat Pelatih, *Emergency Medical Technician* (EMT), Jurulatih SJAM dan semua bekas Ketua Pasukan Dewasa **tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam pertandingan ini.**
- 1.5. Peserta yang terkanan sekali dalam setiap pasukan akan menjadi Ketua Pasukan. Sekiranya lebih daripada seorang peserta mempunyai pangkat yang sama, maka Ketua Pasukan hendaklah ditentukan dan dicatatkan di dalam borang penyertaan rasmi. Ketua Pasukan ini wajib kekal bagi semua ujian dalam pertandingan.
- 1.6. Nama-nama peserta (termasuk peserta simpanan) hendaklah dimasukkan ke dalam borang pendaftaran pertandingan dan dihantar kepada Setiausaha Kehormat, Jawatankuasa Pengelola Pertandingan sebelum tarikh pendaftaran tutup seperti mana yang ditetapkan dalam borang pendaftaran tersebut.

2. **Pertukaran Peserta:**
 - 2.1. Pasukan yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan pada tahun lepas dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori yang sama dengan syarat **Ketua Pasukan dan seorang ahli lain yang bukan peserta simpanannya digantikan dengan ahli-ahli baru.**
 - 2.2. Seseorang peserta hanya dibenarkan mewakili Negeri/Wilayah **tidak lebih daripada dua (2) tahun berturut-turut dalam satu-satu kategori.**
 - 2.3. Sekiranya sesuatu yang berlaku (sakit, hal-hal peribadi dsb), permohonan pertukaran peserta hendaklah dibuat kepada Ketua Marsyal Pertandingan sebelum pertandingan itu dimulakan. Peserta simpanan akan menggantikan kekosongan tersebut.
 - 2.4. Ahli-ahli Dewasa dan ahli-ahli yang pernah mengambil bahagian dalam Kategori Dewasa di mana-mana peringkat pertandingan adalah **dilarang menjadi peserta pasukan Kadet.**
3. **Pakaian:**
 - 3.1. Semua pasukan pertandingan hendaklah berpakaian seragam seperti yang ditetapkan di dalam Buku Peraturan-Peraturan Pakaian Seragam St. John Ambulans Malaysia tertakluk kepada segala pindaan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan. Markah akan dipotong sekiranya peserta-peserta memakaiencana-encana yang tidak mematuhi Peraturan Pakaian Seragam.
 - 3.2. Pingat-pingat tidak boleh dipakai semasa pertandingan dijalankan.
 - 3.3. Markah untuk pakaian seragam hanya akan diberi semasa Ujian Pakaian Seragam sahaja.
 - 3.4. Semasa Ujian Kawat Kaki, pasukan untuk kategori **Perawatan Kadet, Ambulans Kadet dan Perawatan Dewasa tidak dibenarkan menggunakan kasut bot ("boots").**
 - 3.5. Peserta-peserta pertandingan tidak dibenarkan menanggalkan mana-mana bahagian pakaiannya untuk diguna-pakai semasa ujian Kes Pendek dan Kes Panjang.
4. **Kecekapan:**
 - 4.1. Semua peserta pertandingan diwajibkan mempunyai sijil-sijil (*Pertolongan Cemas/Perawatan seperti di peraturan 1.1.1. hingga 1.1.4*) yang belum luput dan mesti lulus peperiksaan semula pada tahun sebelumnya.
5. **Buku Rujuk untuk Pertolongan Cemas dan Perawatan:**
 - 5.1. Perkara-perkara yang akan diuji dan diberikan markah adalah selaras dengan Peraturan 8.1. dan 8.2.
 - 5.2. Pemberian markah akan diberi berdasarkan kepada buku-buku seperti berikut:-
 - 5.2.1. *First Aid Manual (8th Edition)/Pertolongan Cemas (Edisi Ke-8). Prosedur CPR hendaklah ikut arahan yang dikeluarkan oleh Bahagian Latihan Ibu Pejabat Kebangsaan.*
 - 5.2.2. *Caring For The Sick/Panduan Perawatan.*
6. **Pengadilan:**
 - 6.1. Hakim-Hakim Pertandingan akan dilantik oleh Jawatankuasa Kecil Teknik (Perubatan dan Perawatan) untuk menjalankan kesemua ujian pertandingan. Para Hakim akan terdiri daripada:

6.1.1.	Ujian Pertolongan Cemas	-	Pegawai Perubatan Berdaftar.
6.1.2.	Ujian Perawatan	-	Pengajar Jururawat/Ketua Jururawat
6.1.3.	Ujian Kawat Kaki	-	Jurulatih Kawat Angkatan Tentera Malaysia
6.1.4.	Ujian Bertulis	-	Pegawai Perubatan Berdaftar/Pengajar Jururawat
6.1.5.	Ujian Pakaian Seragam	-	Pegawai Ibu Pejabat Kebangsaan SJAM

7. **Taklimat Pertandingan:**
 7.1. Satu taklimat untuk semua pasukan pertandingan akan diadakan oleh Pengerusi dan Ketua Marsyal sebelum pertandingan dimulakan. Segala peraturan pertandingan akan diterangkan semasa taklimat tersebut.

8. **Pertandingan:**

8.1.	Kategori Ambulans Kadet dan Ambulans Dewasa	Masa	Markah
8.1.1.	Ujian Pakaian Seragam - (25%) Ujian Kawat Kaki - (75%)	10 minit	50
8.1.2.	Ujian Pertolongan Cemas (Kes Pendek) -	10 minit	100
8.1.3.	Ujian Pertolongan Cemas (Kes Panjang) -	20 minit	150
8.1.4.	Ujian Bertulis -		25
	Jumlah Markah	=	325
8.1.5.	Ujian Bertulis Individu -	60 minit	100
8.2.	Kategori Perawatan Kadet dan Perawatan Dewasa:	Masa	Markah
8.2.1.	Ujian Pakaian Seragam - (25%) Ujian Kawat Kaki - (75%)	10 minit	50
8.2.2.	Ujian Pertolongan Cemas (Kes Pendek) -	10 minit	100
8.2.3.	Ujian Perawatan Praktik -	20 minit	150
8.2.4.	Ujian Bertulis -		25
	Jumlah Markah	=	325
8.2.5.	Ujian Bertulis Individu -	60 minit	100

NOTA: Pasukan yang memperolehi markah tertinggi dalam satu-satu ujian adalah pemenang ujian berkenaan. Pasukan yang memperolehi jumlah markah keseluruhan tertinggi akan memenangi pertandingan. Sekiranya dua (2) pasukan memperolehi markah yang sama, pasukan yang memperolehi markah yang tertinggi dalam Ujian Kes Panjang/Perawatan Praktik akan dipilih sebagai pemenang.

- 8.3. **Ujian Bertulis selama 60 minit** mengandungi dua (2) bahagian:
 8.3.1. Bahagian A - Soalan-Soalan Objektif
 8.3.2. Bahagian B - Soalan-Soalan berdasarkan asas-asas Pertolongan Cemas dan Perawatan.
 8.3.3. 5% daripada jumlah markah kesemua peserta, termasuk peserta simpanan akan diambil kira untuk menentukan juara pasukan dan juara kebangsaan.
- 8.4. **Kertas Soalan Ujian Bertulis Pertolongan Cemas/Perawatan:**
 Semua kertas soalan akan dimasukkan dalam sampul surat bermaterai yang berasingan dan diserahkan kepada Ketua Hakim sebelum ujian dimulakan.
(NOTA:- Hakim tidak dibenarkan memberi bantuan atau petunjuk)
- 8.5. **Hakim: (Kes Pendek dan Kes Panjang)**
 8.5.1. Hakim berhak menyoal sebab-sebab sesuatu rawatan yang diberikan atau prosedur yang dilaksanakan semasa pertandingan dijalankan dan juga meminta penerangan dari para peserta sekiranya rawatan tertentu tidak dibuat.
 8.5.2. Keputusan pihak Hakim adalah muktamad.

- 8.6. **Am:**
- 8.6.1. Setiap pasukan dikehendaki menentukan keadaan kemalangan serta memberi rawatan kepada pesakit-pesakit menurut:-
 - Kad/Kad-kad arahan yang diberikan kepada Ketua Pasukan.
 - Keterangan yang diberikan oleh Hakim atau pesakit sekiranya pesakit itu sedar.
 - 8.6.2. Sebarang arahan oleh seorang Hakim akan diberikan kepada Ketua Pasukan dan sekiranya peserta lain ingin mengetahui arahan-arahan lain, pertanyaan hanya dibuat melalui Ketua Pasukan dalam Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris.
 - 8.6.3. Peserta-peserta dilarang meminta bantuan daripada mana-mana pihak.
 - 8.6.4. Semasa pertandingan dijalankan, setiap pasukan akan dikuarantinkan dan dijaga oleh seorang juruiring. Hanya Ketua Marsyal dan Penolong-Penolong Marsyal sahaja dibenarkan masuk ke kawasan kuarantin.
 - 8.6.5. Arahan kawat kaki hendaklah diberi dalam Bahasa Melayu sahaja.
 - 8.6.6. Para peserta tidak dibenarkan membawa telefon bimbit atau berkomunikasi dengan sesiapa yang tidak berkenaan semasa pertandingan dijalankan.
9. **Persolekan Pesakit:**
- 9.1. Persatuan Simulasi Malaysia atau satu kumpulan berkecuali akan menyediakan simulasi mangsa/pesakit.
 - 9.2. Sekiranya tanda-tanda kecederaan tidak dapat disolekkan seperti kecederaan sebenar, penerangan berkenaan akan diberikan dalam kad arahan atau oleh Hakim semasa ujian dijalankan.
10. **Kelengkapan Peti Ubat:**
- 10.1. **Ujian Pertolongan Cemas (Kes Pendek dan Panjang)**
 - 10.1.1. Setiap pasukan ambulans diminta membawa dua peti ubat (satu untuk kes pendek dan satu lagi untuk kes panjang) manakala pasukan perawatan hanya membawa satu peti ubat dengan kandungan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kecil Teknik (Perubatan dan Perawatan) pertandingan.
 - 10.1.2. Peti-peti ubat ini hendaklah diserahkan oleh Ketua Pasukan kepada Ketua Marsyal pada masa yang akan ditetapkan oleh Ketua Marsyal kemudian.
 - 10.1.3. Peti-peti ubat ini akan diperiksa bersama Ketua Pasukan. Selepas diperiksa, peti ubat dimeterai (*sealed*) dan akan diserahkan balik kepada Ketua Pasukan oleh Ketua Marsyal sebelum ujian berkenaan dimulakan.
 - 10.1.4. Kelengkapan lain seperti *manikin* untuk CPR, *Cervical Collar*, *Splint (Tuap)* dan Usungan akan disediakan di tempat pertandingan oleh Ketua Marsyal.
 - 10.1.5. Pasukan-pasukan boleh membawa *Cervical Collar* yang biasa. *Collar* ini akan diperiksa dan hanya boleh digunakan selepas kelulusan.
 - 10.1.6. Kelengkapan-kelengkapan lain **tidak akan dibenarkan**.
11. **Markah:**
- 11.1. **Markah akan diberikan mengikut:**
 - 11.1.1. Kecekapan dan penelitian dalam penetapan sifat penyakit.
 - 11.1.2. Melakukan dengan betul dan berhasil rawatan yang berpadan.
 - 11.1.3. Kecekapan dan ketangkasan angkat usungan atau lain-lain cara mengangkut.

12. **Masa:**
- 12.1. Had masa termasuk masa untuk membaca arahan/soalan akan dicetak di atas kad arahan kes-kes pertolongan cemas, perawatan dan kertas bertulis.
 - 12.2. Di akhir tempoh had masa yang dibenarkan, semua prosedur hendaklah dihentikan. Markah hanya akan diberikan bagi prosedur yang telah disempurnakan setakat itu.
 - 12.3. Loceng amaran akan dibunyikan dua (2) minit sebelum tamat had masa untuk ujian pertolongan cemas dan perawatan dan lima (5) minit untuk ujian kertas bertulis.
13. **Denda:**
- 13.1. Markah akan dipotong sekiranya didapati tatacara rawatan tidak mengikut peraturan semasa memberi pertolongan cemas/perawatan kepada mangsa/pesakit.
14. **Tempat Penginapan dan Makanan:**
- 14.1. Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan bertanggungjawab menyediakan tempat penginapan dan makanan untuk para peserta dan dua (2) orang Pegawai Pengiring dari setiap Negeri/Wilayah. Sekiranya sesuatu Negeri/Wilayah menghantar satu pasukan, maka hanya seorang pegawai pengiring sahaja dibenarkan.
 - 14.2. Pihak pengelola akan cuba menyediakan tempat penginapan dan makanan untuk para penyokong tetapi mereka akan dikenakan bayaran.
 - 14.3. Senarai nama penyokong serta bayaran penginapan dan makanan hendaklah dikirim kepada Setiausaha Kehormat Jawatankuasa Pengelola sebelum tarikh pendaftaran tutup.
15. **Pegawai-Pegawai Pengiring**
- 15.1. Pegawai-Pegawai Pengiring hendaklah terdiri daripada Pegawai Lelaki dan Pegawai Wanita. Jika sesuatu Negeri/Wilayah cuma menghantar pasukan-pasukan Ambulans sahaja, Pegawai Pengiring hendaklah terdiri daripada seorang Pegawai Lelaki dan sebaliknya. Semua Pegawai Pengiring wajib berpangkat gred 11 dan ke bawah.
 - 15.2. Jawatankuasa Pertandingan hanya **berurusan dengan Pegawai-Pegawai Pengiring sahaja** mengenai kebajikan dan permintaan peserta-peserta. Pegawai-Pegawai lain tidak akan dilayan.
16. **Penyokong-Penyokong:**
- 16.1. Negeri/Wilayah yang menghantar penyokong-penyokong hendaklah juga mendapatkan seorang Pegawai yang akan menyelaras dengan Jawatankuasa Pertandingan dari masa pendaftaran hingga tamat pertandingan.
 - 16.2. Semua ahli St. John Ambulans Malaysia yang hadir sebagai penyokong-penyokong hendaklah menggunakan pakaian seragam bertugas atau "T" shirt SJAM dengan kad keahlian SJAM. Negeri/Wilayah diminta memberitahu penyokong-penyokong lain supaya berpakaian kemas.
 - 16.3. Penyokong-penyokong yang tidak mematuhi peraturan-peraturan pertandingan atau tidak hendak menerima arahan akan diminta keluar dari kawasan pertandingan dan juga akan dikenakan tindakan tatatertib.
17. **Piala-Piala Pusingan Pertandingan:**
- 17.1. Semua piala-piala pusingan adalah harta Ibu Pejabat Kebangsaan, St. John Ambulans Malaysia. Sebarang kerosakan atau kehilangan adalah tanggungjawab Negeri/Wilayah yang memenangi piala-piala ini.
 - 17.1.1. Semua piala yang dimenangi hendaklah dipulangkan ke Ibu Pejabat Kebangsaan, St. John Ambulans Malaysia pada satu masa akan di tetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan.

18. **Kebenaran Ibumama/Pejaga:**
- 18.1. Pemerintah Negeri/Wilayah diminta untuk mendapatkan kebenaran daripada Ibumama/Pejaga serta Pengetua Sekolah berkenaan bagi semua peserta dan penyokong yang masih menuntut untuk menghadiri pertandingan.
- 18.2. Pihak Ibu Pejabat Kebangsaan, St. John Ambulans Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas segala kecederaan, kemalangan atau penyakit yang berjangkit yang berlaku semasa pertandingan dan semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat pertandingan.
19. **Kuasa Pemerintah Agung:**
- 19.1. Pemerintah Agung berhak membuat apa-apa perubahan atau pindaan kepada peraturan-peraturan ini setelah berunding dengan Ketua Turus (Gerakan).

Disahkan



(LAI SEE MING)
Ketua Turus (Gerakan)
St. John Ambulans Malaysia

Bertarikh pada 22 Mac 2009

LSM/Comprules2009